



FSKTM Lancar Window 7

SERDANG, 30 Mac – Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Microsoft Student Partners Malaysia melancarkan perisian Windows 7 untuk kemudahan pelajar-pelajar UPM.



Barisan pelajar mendaftar untuk mendapatkan id percuma perisian Window7.

Pengurus Besar Local Software Innovations Microsoft Malaysia, Azli Jamil berkata perisian itu amat sesuai kepada pelajar yang mengambil bidang sains dan teknologi, kejuruteraan, matematik dan perekaan kerana mengandungi ciri-ciri keselamatan melalui Bit Locker dan Microsoft Defender.

"Ini merupakan program akademik dari Microsoft yang direka khas untuk kegunaan institut pengajian tinggi di Malaysia," katanya pada majlis pelancaran Windows 7 di sini.



Azli Jamil (dua dari kiri) bersama Prof. Tai (dua dari kanan) dan Dr. Abdul Azim (tiga dari kiri) bergambar kenangan.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan dan Industri) UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew dan dihadiri oleh Dekan FSKTM, Prof. Madya Dr. Abdul Azim Abd Ghani.

Beliau berkata pendaftaran perisian percuma yang dikenali sebagai program The Microsoft Student Partners (MSP) itu ditaja untuk pelajar yang membuat major dalam disiplin berkaitan teknologi.

"Pelajar UPM yang ditawarkan pendaftaran perisian tersebut terdiri daripada bidang Sains,

Kejuruteraan, Komputer, Reka bentuk dan program Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat," katanya.



Kenamaan vip kagum dengan ciri-ciri baru yang diperkenalkan dalam Windows7.

"Akaun mereka akan diaktifkan selepas maklumat seperti nombor kad pengenalan, nombor matrik, email dan lain-lain didaftarkan," katanya.

Microsoft windows 7 adalah sistem operasi terbaru Microsoft yang telah dilancarkan secara global pada 22 Oktober 2009 dengan mempunyai ciri terbaru seperti Home Group, Jump Lists, Snap, Windows Live Essentials, Window Search dan Windows Taskbar.

Program MSP ini meningkatkan nilai dan kemahiran pelajar yang biasanya tidak diajar dalam kelas contohnya latihan teknikal di mana kemahiran ini amat berguna untuk dijadikan pengalaman apabila menghadiri temu duga kerjaya kelak.

Di Malaysia hanya terdapat 27 buah program MSP yang ada di universiti tempatan dan setiap kampus mempunyai 2 atau 3 MSP yang terpilih manakala di UPM hanya terdapat 3 MSP yang boleh didapati di FSKT.



Azli Jamil berkata perisian itu amat sesuai kepada pelajar masa kini yang memerlukan teknologi canggih di dalam pendidikan.

MSP bertujuan berkongsi maklumat yang ada dalam teknologi Microsoft melalui bengkel berkaitan teknologi, latihan dan majlis pelancaran. Maklumat juga boleh dikongsi melalui blogs dan juga facebook.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia